



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

30% DISKAUN KE ATAS KADAR PAJAKAN 108 LOT TANAH MILIK PERBADANAN LABUAN

Kemerosotan ekonomi global akibat kejatuhan harga minyak mentah pasaran dunia serta penularan wabak pandemic COVID-19, telah memberikan kesan yang tinggi kepada situasi ekonomi negara kita. Namun dalam keadaan krisis seperti ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi, tetap berusaha untuk memberikan bantuan yang terbaik kepada warga Wilayah Persekutuan yang terjejas teruk dan berdepan dengan pelbagai permasalahan dalam meneruskan kehidupan sehari-hari mereka.

Di bawah Inisiatif Wilayah Cakna, KWP melalui Perbadanan Labuan (PL) menambahkan bantuan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Perusahaan Mikro di Wilayah Persekutuan Labuan yang terkesan dari perintah kawalan pergerakan (PKP). Sebanyak **30% diskaun** diberikan ke atas pajakan 108 lot tanah milik PL yang dipajakkkan kepada 85 syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan dengan minyak dan gas, logistik, komersial, kejuruteraan awam serta pelancongan di WP Labuan. Ini melibatkan 95 perjanjian dan tempoh pemberian diskaun ini adalah selama **5 bulan** bermula **Mac 2020 sehingga Julai 2020**.

Keseluruhan kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi pemberian diskaun ini adalah sebanyak **RM987,292.82**. Terdapat 78 perjanjian bagi kadar pajakan di bawah RM10,000.00, 17 perjanjian bagi kadar pajakan di antara RM11,000.00 sehingga RM50,000.00 dan satu (1) perjanjian bagi kadar pajakan melebihi RM100,000.00 sebulan. Pihak syarikat boleh menghubungi Jabatan Penilaian, Pelaburan dan Pengurusan Harta, PL di talian 087-408650 bagi sebarang pertanyaan lanjut.

Penambahan inisiatif Wilayah Cakna ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh syarikat-syarikat yang tidak beroperasi semasa PKP di WP Labuan. Ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dalam mengatasi bencana global ini.

TAN SRI TPr. ANNUAR BIN HJ MUSA

Menteri Wilayah Persekutuan

4 Mei 2020